

23 JUL 2000

Umno-Cabar

UMNO CABAR PAS NAFIKAN PENYOKONGNYA TERLIBAT DALAM AL-MA'UNAH

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Umno hari ini mencabar PAS supaya menafikan secara muktamad bahawa pemimpin-pemimpin kumpulan Al-Ma'unah adalah anggota, aktivis atau penyokong PAS.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed ketika membuat cabaran itu berkata PAS juga hendaklah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin utama kumpulan Al-Ma'unah itu bukan anggota, aktivis atau penyokong parti itu.

"Sampai hari ini mereka belum menafikan lagi secara muktamad...Kita cabar mereka untuk membuat penjelasan sedemikian," katanya pada sidang media pada akhir kursus warga penerangan Umno di ibu pejabat parti di sini.

Mustapa berkata penglibatan anggota PAS dalam kumpulan Al-Ma'unah itu telahpun jelas kerana ketua kumpulan itu Mohamed Amin Mohd Razali serta pemimpin lain memang ada kaitan dengan PAS.

Katanya tuduhan PAS kononnya insiden Sauk adalah sandiwara Umno mungkin sebagai tindakan politik untuk menjauhkan diri daripada kumpulan itu sedangkan semua orang tahu kebanyakan daripada anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah anggota PAS.

"Mereka mungkin takut kalau kaitan ini kita perkukuhkan lagi, maka mereka mencari jalan untuk memisahkan diri dengan kumpulan itu," katanya.

Mustapa berkata, jentera penerangan Umno akan memberi penjelasan fakta secara agresif kepada rakyat tentang insiden Sauk dan kumpulan Al-Ma'unah, sekaligus menangkis pembbohongan dan penyelewengan fakta oleh PAS.

"Masih ada yang keliru akibat penyelewengan fakta oleh pihak pembangkang," katanya.

Naib presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut hadir berkata, jentera penerangan Umno akan bergerak melewati batas parti untuk memberi penerangan kepada golongan lain termasuk pelajar, pertubuhan bukan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan.

Seorang lagi naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula berkata, pembbohongan dan penyelewengan fakta oleh PAS menuntut Umno memberi penjelasan bahawa Umno memperjuangkan Islam dan Malaysia adalah sebuah negara Islam yang progresif dan menjadi negara Islam contoh.

Muhammad dan Muhyiddin sebelum itu berdialog dengan peserta kursus.

Kursus satu setengah hari yang disertai 250 ketua penerangan Umno peringkat bahagian termasuk pergerakan Pemuda dan Wanita itu, bermula semalam.

Malam tadi, mereka menghadiri jamuan malam dan berdialog dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, Putrajaya.

-- BERNAMA

AFY ZS MAI